

KPT pertimbang laksana program TVET peringkat ijazah di politeknik

19 Ogos 2023 01:37pm Masa membaca: 2 minit



Mohamed Khaled

KOTA TINGGI - Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang mempertimbangkan untuk melaksanakan program peringkat ijazah dalam bidang teknikal dan vokasional (TVET), di seluruh politeknik di Malaysia.

Menterinya Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, cadangan itu dipertimbangkan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), kerana ia melibatkan penyediaan tenaga pakar, akademik dan sebagainya.

"Kita akan beri perhatian dalam TVET kepada soal penyediaan tempat pemahiran, pemahiran semula dan peningkatan kemahiran. Itu sangat penting, kerana ia sebahagian daripada usaha kita menyedia dan memperkukuh dan memperkasakan, penawaran pembelajaran sepanjang hayat.

"Dari segi kebolehpasaran, graduan TVET lebih baik daripada pelajar biasa (akademik) yang mana kedua-duanya melepasi 90 peratus. Jadi tumpuan kita hendak melihat pepadanan pembelajaran dengan kerja dan gaji yang lebih baik.," katanya selepas Program Kekal Sihat KPT Prihatin MADANI di Dewan Sri Tanjung, Tanjung Sedili, di sini pada Sabtu.

Dalam pada itu Mohamed Khaled turut menegaskan hasrat kementerian, untuk memperluaskan pengajian bagi menarik lebih ramai pelajar dalam TVET.

"Memang saya sudah nyatakan terutama untuk RMK13, saya ingin melihat peluasan dan pembesaran pembukaan cawangan-cawangan kampus terutama Universiti Teknikal Malaysia (MTUN), dan kita perkukuhkan lagi politeknik yang ada," katanya.

Setakat ini, empat rangkaian MTUN merangkumi Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). - Bernama.